

Media : Utusan TV

Date : 20 December 2023



Laman Utama > Semasa > Bisnes > Ajinomoto lancar laman web memasak Smart Cooking

Semasa Bisnes

Ajinomoto lancar laman web memasak Smart Cooking

Dilah Afiq Mohd. Shah - December 20, 2023

A screenshot of the Ajinomoto Smart Cooking website. The page features a large banner with the text "SELAMAT DATANG KE SMART COOKING OLEH AJINOMOTO" and "TEBUS KOTAK HADIAH ANDA DI SINI!". It also features a cartoon character of "Pak AJI" and various food products. To the right, there is an advertisement for Pedialure 10+ with the text "NOW AVAILABLE IN 3 NEW SIZES!" and a "Buy Now" button. Below the main banner, there is a section titled "APAH DAH JADI?" with a cartoon character.

AJINOMOTO (M) Berhad melancarkan laman web *Smart Cooking* iaitu platform memasak semua dalam satu yang mesra pengguna bagi keperluan individu berpengalaman atau sebaliknya dalam dunia kulinari.

Ajinomoto dalam kenyataan memaklumkan, platform tersebut memudahkan proses masakan dan menawarkan pengalaman menarik dalam dunia kulinari.

Menurut syarikat tersebut, laman web *Smart Cooking* merupakan platform komprehensif yang menyediakan lebih 100 resepi sihat, lazat serta kreatif.

Katanya, laman web berkenaan juga tersedia dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan Mandarin.

"Anda boleh memilih dan menyesuaikan hidangan anda dengan mudah berdasarkan bahan-bahan pilihan anda, kaedah, tahap penguasaan, tempoh memasak dan saiz hidangan."

"Sistem pintar ini secara automatik akan mengira bahan-bahan yang diperlukan secara tepat untuk saiz hidangan anda," katanya dalam kenyataan hari ini.

Baca artikel lain: [Ajinomoto perkenal produk baharu "Ajinomoto Gyoza"](#)

Mengulas lanjut, Ajinomoto memberitahu, platform tersebut amat mudah dan memberikan inspirasi untuk menyediakan makanan yang seimbang kepada seisi keluarga.

Pada masa sama, jelasnya, ia juga boleh mengurangkan pembaziran makanan.

"Dalam dunia di mana kemampuan dan penggunaan sumber yang cekap semakin penting, meminimumkan sisa makanan telah menjadi keutamaan utama bagi kebanyakan isi rumah," katanya.

Selain itu, Ajinomoto berkata, pengguna yang menjadi ahli *Smart Cooking* juga boleh menikmati pelbagai keistimewaan termasuk mengumpul mata dengan setiap interaksi di laman web dan menukarannya dengan hadiah eksklusif.

"Anda kini boleh membeli produk Ajinomoto secara terus dari laman web dan kami akan menghantarnya ke rumah anda."

"Dengan inovatif ini, Ajinomoto akan merevolusikan perjalanan kulinari anda dengan menyediakan produk yang ringkas dan mudah di mana setiap hidangan akan menjadi kenangan abadi bersama keluarga secara tidak langsung membantu anda memahami motto kami iaitu 'Eat Well, Live Well,'" katanya.